



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 76  
No. 28

**20hb Julai 2023**

*TAMBAHAN No. 3*  
*ENAKMEN*

---

---

Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 25 Mei 2023 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 12 Jun 2023 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 25 May 2023 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak Darul Ridzuan on 12 June 2023 is published for general information:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen A51	Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023
Enactment A51	Poultry Farming (Amendment) Enactment 2023





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**

**Enakmen A51**

**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(PINDAAN) 2023**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 12 Jun 2023

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 20 Julai 2023

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

**UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK****Enakmen A51****ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(PINDAAN) 2023**

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
*Sultan Perak*

12 Jun 2023

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perladangan Unggas 2005.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

2. Enakmen Perladangan Unggas 2005 [*Enakmen 2*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan menggantikan tafsiran “loji” dengan tafsiran yang berikut:

‘ “loji” ertinya mana-mana tempat di mana penyembelihan atau pemprosesan unggas dijalankan, mengikut mana yang berkenaan;’;

- (b) dengan menggantikan tafsiran “pelan susun atur” dengan tafsiran yang berikut:
- ‘ “pelan susun atur” ertinya pelan susun atur ladang unggas yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang dikemukakan kepada pegawai pelesen berserta dengan suatu permohonan untuk mendapatkan lesen;’;
- (c) dalam tafsiran “perladangan unggas”—
- (i) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “dan” selepas koma bernoktah; dan
- (ii) dengan memasukkan perkataan “(da) mengendalikan loji; dan” selepas perkataan “(d) mengendalikan tempat penetasan;”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas tafsiran “perladangan unggas” tafsiran yang berikut:
- ‘ “Pihak Berkuasa Tempatan” mempunyai maksud yang sama diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];’.

#### **Pindaan seksyen 4**

3. Subseksyen 4 (2) Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “pegawai diberi kuasa” perkataan “adalah”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “melakukan” perkataan “suatu”.

#### **Bahagian baharu IIA**

4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian II bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN II

**STANDARD AMALAN PERLADANGAN UNGGAS**

**Pematuhan kepada standard amalan perladangan**

**4A.** (1) Semua ladang unggas yang ditetapkan hendaklah mematuhi standard amalan perladangan yang mengandungi kriteria-kriteria yang berikut:

- (a) reban tertutup;
- (b) pelepasan sifar;
- (c) zon penampan; dan
- (d) standard amalan perladangan yang ditetapkan di bawah perenggan 32(c).

(2) Bagi maksud seksyen ini, “reban tertutup” ertinya reban unggas yang keseluruhan bahagiannya bertutup rapat kecuali di bahagian untuk udara keluar masuk.”.

**Pindaan seksyen 6**

**5.** Perenggan 6 (2)(a) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan (iii) dengan subperenggan yang berikut:

“(iii) zon penampan mengikut jarak yang ditetapkan dari mana-mana bangunan atau struktur yang akan digunakan bagi perladangan unggas di ladang unggas yang dicadangkan itu hingga ke sempadan tanah sendiri.”.

**Pindaan seksyen 8**

**6.** Seksyen 8 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “Mana-mana orang” perkataan “selain suatu pertubuhan perbadanan”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”;
- (c) dengan memotong perkataan “tetapi tidak kurang daripada lima ribu ringgit”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “dua tahun” dengan perkataan “tiga tahun”.

**Pindaan seksyen 9****7. Seksyen 9 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Lesen, jika tidak dibatalkan terlebih awal, adalah sah untuk tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan sebagaimana ditetapkan oleh Pengarah.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Jika lesen dibatalkan atau pemegang lesen memberhentikan operasi perladangan sebelum tamat tempoh, jumlah fi yang dibayar tidak akan dikembalikan kepada pemegang lesen.”.

**Pindaan seksyen 10****8. Subseksyen 10(2) Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit” dengan perkataan “dua puluh ribu ringgit”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “satu tahun”; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan “lima ratus ringgit” dengan perkataan “satu ribu ringgit”.

**Pindaan seksyen 11****9. Subseksyen 11(3) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu ribu ringgit” dengan perkataan “lima ribu ringgit”.****Pindaan seksyen 12****10. Seksyen 12 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:**

“(1) Pengarah boleh menggantung sesuatu lesen bagi suatu tempoh yang ditetapkan olehnya jika dia berpuas hati dan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—



- (a) mana-mana unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk sampingan daging unggas daripada sesuatu ladang unggas boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam;
- (b) pemegang lesen telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 15, 16 atau 17; atau
- (c) pemegang lesen telah melanggar syarat lesen.”.

### **Pindaan seksyen 13**

#### **11. Seksyen 13 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “satu ratus ringgit” dengan perkataan “dua ribu ringgit”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Jika permohonan untuk membaharui lesen dibuat selepas tamat tarikh lesen semasa, pegawai pelesen boleh mempertimbangkan permohonan itu setelah pemohon membayar penalti lima ribu ringgit:

Dengan syarat bahawa permohonan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga bulan selepas tarikh tamat lesen.”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Permohonan pembaharuan lesen yang dibuat selepas tempoh tersebut hendaklah ditolak dan ladang tidak boleh beroperasi sehingga satu lesen baharu dimohon semula dan diluluskan menurut seksyen 6 dan 7.”.

### **Pindaan seksyen 15**

#### **12. Seksyen 15 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**ke dalam sungai, anak sungai, dll.**”;

- (b) dalam subseksyen (1)—
- (i) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
    - “(b) melepaskan atau membawa keluar dari ladang unggas, sisa unggas, kumbahan sisa unggas atau mana-mana produk sampingan sisa unggas yang tidak dirawat atau tidak mematuhi standard yang ditetapkan di bawah undang-undang bertulis, dalam apa jua bentuk; atau”; dan
  - (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan” dengan perkataan “yang ditetapkan di bawah undang-undang bertulis”; dan
- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “satu tahun” dengan perkataan “tiga tahun”.

### **Pindaan seksyen 16**

**13.** Subseksyen 16(7) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “dua bulan”.

### **Pindaan seksyen 17**

**14.** Seksyen 17 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2),
- (i) dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “satu tahun” dengan perkataan “tiga tahun”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:
- “(5) Bagi maksud seksyen ini—
- (i) “lalat” ertinya mana-mana lalat dari keluarga lalat yang ditetapkan; dan

- (ii) “pemiakan lalat” ertinya terdapat kehadiran lalat atau larva lalat di dalam tinja atau di kawasan persekitaran ladang unggas.”.

### **Pindaan seksyen 21**

**15.** Subseksyen 21(1) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “di bawah Enakmen ini” perkataan “atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya,”.

### **Pindaan seksyen 22**

**16.** Subseksyen 22(2) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “kecuali bahawa kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan boleh tangkap tidak boleh dijalankan olehnya.” dengan perkataan “di bawah Kanun Tatacara Jenayah kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran.”.

### **Penggantian seksyen 23**

**17.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 23 dengan seksyen yang berikut:

“**23.** Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.”.

### **Penggantian seksyen 24**

**18.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 24 dengan seksyen yang berikut:

“**24.** (1) Pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa boleh memasuki mana-mana ladang unggas jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, dan—

(a) boleh menyita dan merampas semua unggas, karkas unggas, sisa unggas dan produk sampingan unggas; dan

(b) boleh merobohkan dan mengalih semua atau sebahagian struktur dan bangunan ladang,

yang didapati di atas ladang itu.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan semua unggas, karkas unggas, sisa unggas dan produk sampingan daging unggas yang disita menurut subseksyen (1) dilupuskan melalui lelongan awam atau cara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa dan hasil daripada jualan itu hendaklah digunakan untuk menanggung segala perbelanjaan yang dilakukan dalam penyitaan, perobohan dan pengalihan struktur dan mana-mana bangunan di ladang unggas itu dan apa-apa lebihannya hendaklah dikembalikan kepada tuan punya.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika tuan punya tidak dapat ditentukan, mahkamah boleh, jika berpuas hati bahawa tuan punya itu tidak dapat ditentukan, membuat perintah supaya lebih itu dikreditkan ke dalam hasil Kerajaan Negeri.”.

### **Pindaan seksyen 26**

#### **19. Seksyen 26 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “dua puluh ribu ringgit”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “lima belas ribu ringgit” dengan perkataan “tiga puluh ribu ringgit”.

### **Pindaan seksyen 27**

#### **20. Subseksyen 27(1) Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “lima puluh ribu ringgit” dengan perkataan “seratus ribu ringgit”.

### **Penggantian seksyen 29**

#### **21. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 29 dengan seksyen yang berikut:**

“**29.** (1) Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, membuat tawaran untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 19 dan 20.

(2) Dalam mengkompaun mana-mana kesalahan, Pengarah boleh mengarahkan pegawai pelesen untuk mengeluarkan tawaran kompaun dalam borang yang ditetapkan kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan itu dalam tempoh dan amaun yang akan ditentukan oleh Pengarah dalam tawaran itu, tertakluk kepada yang berikut:

- (a) tempoh tawaran tidak melebihi tiga puluh hari dari tarikh tawaran itu dikeluarkan; dan
- (b) amaun kompaun yang ditawarkan tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu tetapi tidak kurang daripada lima ribu ringgit.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran tersebut tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu tawaran kompaun yang telah dikeluarkan di bawah subseksyen (2) telah dibayar—

- (a) tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun itu telah dibuat; dan
- (b) mana-mana haiwan, karkas, pengangkutan, bahan atau benda lain yang disita dari mana-mana premis boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa selepas mengambil kira jenis kesalahan dan keadaan mana-mana haiwan, karkas, pengangkutan, bahan atau benda lain mengikut terma dan syarat kompaun tersebut.”.

### **Pindaan seksyen 30**

**22.** Seksyen 30 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Kegagalan pemegang lesen untuk mematuhi kehendak undang-undang bertulis lain boleh menyebabkan lesen di bawah Enakmen ini dibatalkan atau tidak diperbaharui.”.

### **Seksyen baharu 31A**

23. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 31 seksyen yang berikut:

#### **“Pemakaian Kanun Tatacara Jenayah**

31A. Peruntukan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] yang berhubungan dengan perkara-perkara yang tidak diliputi oleh Enakmen ini hendaklah terpakai setakat mana ia selaras dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan sekiranya ada apa-apa ketidakselarasan di antara peruntukan Enakmen ini dengan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], peruntukan Enakmen ini hendaklah mengatasi.”.

### **Pindaan seksyen 32**

24. Perenggan 32(c) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pemprosesan” perkataan “unggas”.

### **Pemotongan seksyen 33**

25. Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 33.

### **Kecualian dan peralihan**

26. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, sedang mengendalikan atau menjalankan perladangan unggas hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, menaik taraf ladang unggasnya selaras dengan standard amalan perladangan dan memohon untuk mendapatkan lesen di bawah Enakmen ibu.

(2) Apabila suatu permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Pengarah hendaklah mengeluarkan perakuan penerimaan kepada orang itu.

(3) Sekiranya suatu permohonan lesen ditolak, Pengarah hendaklah menghantar suatu notis kepada pemohon memberitahu pemohon berhubung penolakan permohonan itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), notis itu juga hendaklah mengarahkan supaya pemohon itu menutup ladang unggas dan berhenti mengendalikan dan menjalankan perladangan unggas dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Mana-mana orang yang dirujuk dalam subseksyen (1) yang terkilan dengan keputusan Pengarah yang menolak permohonan lesen bagi menjalankan perladangan unggas boleh merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

(6) Sementara menunggu keputusan permohonan, seseorang itu boleh terus mengendalikan atau menjalankan perladangan unggas dengan kebenaran bertulis Pengarah.

Diluluskan pada 25 Mei 2023  
[Bil (33) dlm JPV.PK(R)1/80/65;  
PU.Pk. 1/2020]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH  
*Setiausaha Dewan Negeri*  
*Perak Darul Ridzuan*







# **LAWS OF THE STATE OF PERAK**

**Enactment A51**

**POULTRY FARMING (AMENDMENT)  
ENACTMENT 2023**

Date of Royal Assent	...	...	12 June 2023
Date of publication in the <i>Gazette</i>		...	20 July 2023

**LAWS OF THE STATE OF PERAK****Enactment A51****POULTRY FARMING (AMENDMENT)  
ENACTMENT 2023**

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
*Sultan of Perak*

12 June 2023

An Enactment to amend the Poultry Farming Enactment 2005.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:**Short title and commencement****1.** (1) This Enactment may be cited as the Poultry Farming (Amendment) Enactment 2023.(2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.**Amendment of section 2****2.** The Poultry Farming Enactment 2005 [*Enactment 2*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in section 2—

(a) by substituting for the interpretation of “plant” the following interpretation:

‘ “plant” means any place where the slaughtering or processing of poultry is carried out, whichever may be applicable;’;

- (b) by substituting for the interpretation of “lay-out plan” the following interpretation:
- ‘ “lay-out plan” means a lay-out plan of poultry farm approved by the Local Authority as submitted to the licensing officer together with an application for a license;’;
- (c) in the interpretation of “poultry farming”—
- (i) in paragraph (d), by deleting the word “and” after the semi-colon; and
- (ii) by inserting the words “(da) the managing of a plant; and” after the words “(d) the operating of a hatchery;”; and
- (d) by inserting after the interpretation of “poultry farming” the following interpretation:
- ‘ “Local Authority” has the same meaning assigned to it in the Local Government Act 1976 [Act 171];’.

#### **Amendment of section 4**

**3.** Subsection 4(2) of the principal Enactment is amended in the national language text—

- (a) by inserting after the words “pegawai diberi kuasa” the word “adalah”; and
- (b) by inserting after the word “melakukan” the word “suatu”.

#### **New Part IIa**

**4.** The principal Enactment is amended by inserting after Part II the following part:

#### “PART IIa

#### STANDARD OF FARMING PRACTICES

#### **Compliance with standard of farming practices**

**4A.** (1) All prescribed poultry farms shall comply with the standard of farming practices with the following criteria:

- (a) closed house;

- (b) zero discharge;
- (c) buffer zone; and
- (d) the standard of farming practices prescribed under paragraph 32(c).

(2) For the purpose of this section, “closed house” means a poultry house which its overall part is tightly closed except at the part for the air in and out.”.

#### **Amendment of section 6**

5. Paragraph 6(2)(a) of the principal Enactment is amended by substituting for subparagraph (iii) the following subparagraph:

“(iii) the buffer zone according to the prescribed distance from any building or structure that will be used for poultry farming in the proposed poultry farm to the boundary of its own land.”.

#### **Amendment of section 8**

6. Section 8 of the principal Enactment is amended—

- (a) by inserting after the words “Any person” the words “other than a body corporate”;
- (b) by substituting for the words “ten thousand ringgit” the words “fifty thousand ringgit”;
- (c) by deleting for the words “but not less than five thousand ringgit”; and
- (d) by substituting for the words “two years” the words “three years”.

#### **Amendment of section 9**

7. Section 9 of the principal Enactment is amended—

- (a) by substituting subsection (1) with the following subsection:

“(1) A licence shall, if not earlier revoked, be valid for a period not exceeding thirty six months as determined by the Director.”; and

(b) by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(3) If a licence is revoked or a licensee cease farming operations before the expiry of the period, the amount of fee paid shall not be returned to the licensee.”.

#### **Amendment of section 10**

8. Subsection 10(2) of the principal Enactment is amended—

- (a) by substituting for the words “five thousand ringgit” the words “twenty thousand ringgit”;
- (b) by substituting for the words “six months” the words “one year”; and
- (c) by substituting for the words “five hundred ringgit” the words “one thousand ringgit”.

#### **Amendment of section 11**

9. Subsection 11(3) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “one thousand ringgit” the words “five thousand ringgit”.

#### **Amendment of section 12**

10. Section 12 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (1) the following subsection:

“(1) The Director may suspend a licence for a period determined by him if he is satisfied and has a valid reason to believe that—

- (a) any poultry, poultry carcass, poultry waste or poultry meat by-products of a poultry farm may endanger public health;
- (b) the licensee has committed an offence under section 15, 16 or 17; or
- (c) the licensee has breached the condition of the licence.”.

**Amendment of section 13**

**11.** Section 13 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (2), by substituting for the words “one hundred ringgit” the words “two thousand ringgit”;
- (b) by substituting for subsection (4) the following subsection:

“(4) If the application for renewal of licence is made after the expiry date of the current licence, the licensing officer may consider the application subject to the applicant paying a penalty of five thousand ringgit:

Provided that the said application shall be submitted within a period of three months after the date of expiry of the licence.”; and

- (c) by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(4A) An application for renewal of licence made after the said period shall be rejected and the farm shall not operate until a new licence is applied for and approved in accordance with sections 6 and 7.”.

**Amendment of section 15**

**12.** Section 15 of the principal Enactment is amended—

- (a) in the shoulder note, by deleting the words “**into river, stream, etc.**”;

- (b) in subsection (1)—

- (i) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) to discharge or bring out from poultry farm, poultry waste, poultry waste water or any poultry waste by-products which is untreated or not to the standard as prescribed by any written laws, in any form; or”; and

- (ii) in paragraph (c), by substituting for the words “as specified by the regulations” the words “as prescribed by written laws”; and

- (c) in subsection (3)—
- (i) by substituting for the words “ten thousand ringgit” the words “fifty thousand ringgit”; and
  - (ii) by substituting for the words “one year” the words “three years”.

**Amendment of section 16**

13. Subsection 16(7) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “six months” the words “two months”.

**Amendment of section 17**

14. Section 17 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (2),
- (i) by substituting for the words “ten thousand ringgit” the words “fifty thousand ringgit”; and
  - (ii) by substituting for the words “one year” the words “three years”; and
- (b) by inserting after subsection (4) the following subsection:
- “(5) For the purposes of this section—
- (i) “fly” means any fly from the prescribed flies family; and
  - (ii) “breeding of flies” means the presence of flies or fly larvae in faeces or in the poultry farm surrounding area.”.

**Amendment of section 21**

15. Subsection 21(1) of the principal Enactment is amended by inserting after the words “under this Enactment” the words “or any regulations made thereunder,”.

**Amendment of section 22**

16. Subsection 22(2) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “except that the power to arrest without warrant given by the Criminal Procedure Code in a sizeable offence may not be exercised by him.” the words “under the Criminal Procedure Code except the power to arrest without warrant.”.



**Substitution of section 23**

17. The principal Enactment is amended by substituting for section 23 the following section:

“23. No prosecution of or in connection with an offence under this Enactment or any regulations made under this Enactment may be instituted except with the written consent of the Public Prosecutor.”.

**Substitution of section 24**

18. The principal Enactment is amended by substituting for section 24 the following section:

“24. (1) A licensing officer or an authorized officer may enter any poultry farm if he has reasonable cause to believe that an offence has been committed under this Enactment or any regulations made thereunder, and—

(a) may seize and forfeit all poultry, poultry carcasses, poultry waste and poultry by-products; and

(b) may demolish and remove all or part of the farm structure and building,

found on the farm.

(2) The court may order all poultry, poultry carcasses, poultry waste and poultry meat by-products seized pursuant to subsection (1) to be disposed of by public auction or other means deemed appropriate by the licensing officer or authorized officer and the proceeds of such sale shall be used to defray all expenses incurred in the seizure, demolition and removal of structure and any building on the poultry farm and any balance thereof shall be returned to the owner.

(3) Notwithstanding subsection (2), if the owner cannot be ascertained, the court may, if it is satisfied that the owner cannot be ascertained, make an order that the balance be credited to State Government revenue.”.

**Amendment of section 26**

19. Section 26 of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for the words “ten thousand ringgit” the words “twenty thousand ringgit”; and

- (b) by substituting for the words “fifteen thousand ringgit” the words “thirty thousand ringgit”.

### **Amendment of section 27**

**20.** Subsection 27(1) of the principal Enactment is amended—

- (a) by substituting for the words “twenty thousand ringgit” the words “fifty thousand ringgit”; and
- (b) by substituting for the words “fifty thousand ringgit” the words “one hundred thousand ringgit”.

### **Substitution of section 29**

**21.** The principal Enactment is amended by substituting for section 29 the following section:

**“29.** (1) The Director may, with the written consent of the Public Prosecutor, make an offer to compound any offence committed by any person under this Enactment or any of its subsidiary legislation, except for offences under sections 19 and 20.

(2) In compounding any offence, the Director may direct the licensing officer to issue a compound offer in the prescribed form to the person suspected of committing the offence within the period and for the sum to be determined by the Director in the offer, subject to the following:

- (a) the period of the offer shall not exceed thirty days from the date the offer is issued; and
- (b) the amount of compound offered shall not exceed fifty percent of the maximum amount of fine for the said offence but not less than five thousand ringgit.

(3) An offer under subsection (2) may be made at any time after the offence is committed but before any prosecution of the same is instituted, and if the amount stated in the said offer is not paid within the time stipulated in the offer or within any extended period as may be granted by the Director, the prosecution of the offence may be instituted at any time thereafter against the person to whom the offer is made.

(4) If a compound offer issued under subsection (2) has been paid—

- (a) no prosecution may be instituted in respect of the offence against such person to whom the offer of compound has been made; and
- (b) any animal, carcass, transportation, material or other item seized from any premises may be released or forfeited by the licensing officer or the authorized officer after taking into account the type of offence and the condition of the animal, carcass, transportation, material or other item according to the terms and conditions of the said compound.”.

**Amendment of section 30**

**22.** Section 30 of the principal Enactment is amended—

- (a) by renumbering the existing section as subsection (1); and
- (b) by inserting after subsection (1) as renumbered the following subsection:

“(2) The failure of the licensee to comply with the requirements of other written laws may cause the licence under this Enactment to be revoked or not renewed.”.

**New section 31A**

**23.** The principal Enactment is amended by inserting after section 31 the following section:

**“Application of the Criminal Procedure Code**

**31A.** The provisions of the Criminal Procedure Code [Act 593] in relation to matters not covered by this Enactment shall apply in so far as they are not inconsistent with the provisions of this Enactment, and in the event of any inconsistency between the provisions of this Enactment and the Criminal Procedure Code [Act 593], the provisions of this Enactment shall prevail.”.

**Amendment of section 32**

**24.** Paragraph 32(c) of the principal Enactment is amended by inserting after the word “and” the word “poultry”.

**Deletion of section 33**

25. The principal Enactment is amended by deleting section 33.

**Savings and transitional**

26. (1) Any person who, on the date of the coming into operation of this Enactment, is operating or carrying out poultry farming shall, on the date appointed by the State Authority, upgrade his poultry farm in accordance with the standard of farming practices and apply for a licence under the principal Enactment.

(2) Upon receipt of an application under subsection (1), the Director shall issue an acknowledgement of receipt to such person.

(3) Where an application for a licence is refused, the Director shall send a notice to the applicant notifying the applicant the refusal of such application.

(4) For the purpose of subsection (3), the notice shall also direct the applicant to close the poultry farm and cease operating and carry out the poultry farming within the period specified in the notice.

(5) Any person referred to in subsection (1) who is aggrieved by the decision of the Director in refusing to issue a licence to carry out poultry farming may appeal to the State Authority and the decision by the State Authority is final.

(6) Pending the determination of such application, such person may continue operating or carry out the poultry farming with the written permission by the Director.

Passed on 25 May 2023  
[Bil (33) dlm JPV.PK(R)1/80/65;  
PU.Pk. 1/2020]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH  
*Clerk of the State Legislative Assembly*  
*Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA